



**MAJLIS DAERAH PASIR MAS  
KOMPLEKS APAM PUTRA, BANDAR BARU PASIR MAS  
LUBOK JONG, 17070 PASIR MAS  
KELANTAN DARUL NAIM**

**MANUAL  
PELAKSANAAN CAJ PEMAJUAN  
MAJLIS DAERAH PASIR MAS  
2016**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**UNIT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN  
MAJLIS DAERAH PASIR MAS**

## **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Sebagai rujukan dan panduan kepada Majlis Daerah Pasir Mas dan Pemohon semasa permohonan kebenaran merancang pelan susunatur.
- 1.2 Memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan semasa semakan permohonan kebenaran merancang pelan susunatur dan mengenakan caj pemajuan.
- 1.3 Memudahkan urusan permohonan kebenaran merancang pelan susunatur dan mengenakan caj pemajuan mengikut proses dan prosedur yang betul.

## **2.0 SUMBER KUASA**

Sumber kuasa yang menjadi rujukan jabatan bagi pelaksanaan garis panduan adalah seperti berikut:

- 2.1 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

*Menurut Subseksyen 33(1) Sebelum memberikan kebenaran merancang untuk mana-mana pemajuan, pihak berkuasa perancangan tempatan hendaklah menentukan sama ada caj pemajuan kena dibayar berkenaan dengan pemajuan itu dan, jika kena dibayar, menentukan amaunnya, dan hendaklah menyampaikan kepada pemohon untuk kebenaran merancang suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menuntut amaun itu dibayar.*


- 2.2 Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kelantan 2015 (Kn. P.U 13 Tahun 2015)
- 2.3 Garis Panduan Pengenaan Caj Pemajuan Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan

### **3.0 PROSEDUR PELAKSANAAN CAJ PEMAJUAN DI PERINGKAT KEBENARAN MERANCANG PELAN SUSUNATUR.**

#### 3.1 Prosedur Terperinci

- a. Pemohon perlu mendapatkan pengesahan nilai tanah daripada Pentadbir Tanah melalui **Borang Penilaian Tanah Oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan (Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kelantan 2015) – LAMPIRAN A**. Borang berkenaan juga boleh diperoleh di Kaunter OSC MDPM.
- b. Pemohon perlu mengemukakan Borang Penilaian Tanah Oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan (Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kelantan 2015) yang telah disahkan oleh Pentadbir Tanah semasa mengemukakan dokumen permohonan KM di Kaunter OSC MDPM.
- c. Kadar Caj Pemajuan akan ditentukan berdasarkan nilai tanah daripada Pentadbir Tanah. Keputusan dan pengesahan kadar Caj Pemajuan akan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC MDPM.
- d. **Notis Caj Pemajuan (Borang 1 Jadual Kedua – Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kelantan 2015)** akan dikeluarkan oleh Unit Perancangan dan Pembangunan MDPM bersama-sama dengan Surat Makluman Keputusan Mesyuarat oleh Unit OSC MDPM.
- e. Pemohon dikehendaki membuat bayaran terhadap Caj Pemajuan berkenaan sebelum Sijil Kebenaran Merancang dikeluarkan kepada pemohon.
- f. Pemohon boleh mengemukakan permohonan rayuan pembayaran secara ansuran melalui **Borang 2 Jadual Kedua – Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kelantan 2015** sebelum tempoh pembayaran yang ditetapkan dalam Borang 1 Jadual Kedua luput.
- g. Permohonan bayaran secara ansuran hanya boleh dibuat jika kadar Caj Pemajuan melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja (RM 10,000.00).

### 3.2 Carta Alir Proses Di Peringkat MDPM



3.3 Maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan Caj Pemajuan boleh dirujuk melalui Garis Panduan Pengenaan Caj Pemajuan Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan Yang Selaras Dengan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kelantan 2015 Di Bawah Subseksyen 32(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 seperti yang dilampirkan bersama dengan manual ini.